



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 2 Disember 2020

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 17 TAHUN 2020**

KADAR CARUMAN MINIMUM BERKANUN PEKERJA KEPADA SEMBILAN PERATUS (9%) MULAI UPAH/GAJI JANUARI 2021

2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memaklumkan bahawa kadar berkanun untuk caruman syer pekerja akan dikurangkan dari sebelas peratus (11%) kepada sembilan peratus (9%) berkuatkuasa upah/gaji Januari 2021 sehingga Disember 2021. Pengurangan kadar ini adalah lanjutan kepada pengumuman Belanjawan 2021 oleh kerajaan baru-baru ini. Kadar caruman berkanun baharu ini akan melibatkan anggota yang berumur 60 tahun ke bawah sahaja.

3. Walaubagaimanapun, pekerja boleh memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada kadar sebelas peratus (11%) dengan melengkapkan Notis Pilihan Mencarum Melebihi Kadar Berkanun KWSP 17A (Khas 2021) seperti di lampiran. Notis yang telah lengkap di isi perlu dikembalikan semula ke Unit Pembangunan Sumber Manusia (u.p Puan Rashidah binti Othman, Pegawai Tadbir SPEP / Puan Norazimah binti Arifin, Pen. Pegawai Tadbir SPEP) selewatnya pada 14 Disember 2020.

4. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, pegawai dan pengkhidmat LGM boleh merujuk laman web KWSP di www.kwsp.gov.my, talian telefon Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di 03-89226000 atau mengunjungi mana-mana cawangan KWSP yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k. YH. Dato' Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian
Ketua Unit Kewangan dan Akaun



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
NOTIS PILIHAN MENCARUM MELEBIHI KADAR BERKANUN (SYER PEKERJA)

(A) MAKLUMAT MAJIKAN

Nombor Majikan

Nama Majikan

(B) MAKLUMAT AHLI / PEKERJA

Bagi Ahli / Pekerja yang berumur tidak melebihi 60 tahun :

Saya / Kami dengan ini membuat PILIHAN untuk mencarum sebanyak 2% melebihi kadar berkanun (9%) bagi syer pekerja yang keseluruhannya berjumlah 11%.

Pilihan ini adalah berkuat kuasa mulai upah Januari 2021 atau mulai upah bulan berikutnya selepas notis ini diterima oleh KWSP sehingga upah bagi bulan Disember 2021 tertakluk kepada Perintah Jadual Ketiga yang diwartakan.

Pilihan untuk mencarum melebihi kadar berkanun caruman syer pekerja yang dibuat tidak boleh dibatalkan.

BIL	NO. AHLI	NO. PENGENALAN DIRI	NAMA AHLI (seperti dalam Dokumen Pengenalan Diri)	Tandatangan Ahli
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				
15				

(C) PENGESAHAN MAKLUMAN MAJIKAN

Kami dengan ini mengesahkan dan mengambil maklum bahawa pekerja di atas telah memilih untuk mencarum kepada KWSP melebihi kadar berkanun seperti yang dinyatakan dalam notis ini.

Tandatangan Majikan/
Wakil majikan _____
Nama _____
No. Pengenalan Diri _____
Jawatan _____
E-mel _____
No. Telefon / Bimbit _____
Tarikh _____

CAP RASMI MAJIKAN

SILA PASTIKAN :

Butiran ahli-ahli yang disenaraikan di atas hendaklah dikunci masuk di dalam I-Akaun (Majikan) mulai 14 Disember 2020.

Sila hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP 03-8922 6000 untuk sebarang pertanyaan berkaitan permohonan ini.

V24112020